

04/03/2003

Pas semakin jauh terpesong

`Mud-Tow-Qua'

NAMPAKNYA Pas masih mahu mencari hero mereka di Turki sungguhpun sudah tersilap dan termalu dengan keghairahan sebelum ini, berikutan kemenangan

Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP) yang disangkanya parti Islam, sedangkan sekular.

Usaha terbaru Pas kini ialah cubaan mengagungkan pemimpin politik di negara itu seperti laporan berita bersumberkan agensi berita asing Agense

France Presse (AFP) yang disiarkan sebagai berita utama dalam laman web parti itu pada 24 Februari lalu.

Laporan berbahasa Inggeris itu menyebut mengenai pembebasan daripada hukuman penjara selama lima tahun aktivis Islam yang juga bekas Perdana Menteri negara itu, Necmettin Erbakan pada 23 Februari lalu.

Erbakan dikatakan perintis kepada penubuhan parti politik Islam di negara itu yang dengan pembebasannya, bakal mengetuai parti itu yang dilahirkan semula sebagai Parti Kebahagiaan (Saadet Party).

Satu punca menyebabkan Pas melonjak keriang dengan kemenangan AKP pada

pilihan raya umum di Turki itu ialah kerana pemimpin AKP, Reccip Tayyip Erdogan dikatakan anak didik Erbakan.

Namun apabila AKP menang, bukan saja corak kepemimpinannya tidak seperti

yang ada dalam Pas baik dari segi pakaian sekalipun. Erdogan sendiri mengakui betapa partinya tetap mahu memperjuangkan sekularisme.

Sungguhpun laporan berita AFP itu hanya menyebutkan peristiwa pembebasan

Erbakan, namun hakikat bahawa ia mendapat siaran dalam laman web Pas cukup

menjelaskan. Bak kata pepatah, "sudah terang lagi bersuluh" terhadap keghairahan Pas mengenainya.

Bagus juga Pas dengan keghairahan terbaru itu, khususnya tentang apa saja yang berlaku di Turki masa kini. Dalam hal ini, mungkin elok pula disaksikan pendirian Pas terhadap usaha Amerika Syarikat untuk melancarkan

peperangan ke atas Iraq.

Menurut laporan, Pas juga menentang usaha negara kuasa besar tunggal dunia itu. Pendiriannya begitu hebat hinggakan pemimpinnya sendiri ada mengeluarkan kenyataan betapa parti itu tidak akan menghalang jika pengikutnya mahu ke negara teluk itu kononnya "berjihad" mempertahankannya.

Apakah agaknya pendirian parti itu, apabila kumpulan jihadnya itu tiba di Iraq, pemimpin negara itu mahu kumpulan ini ditempatkan di utara negara

itu yang kini dikuasai oleh puak Kurdish.

Puak Kurdish dilaporkan, memang selama ini bersengketa dengan kepemimpinan Iraq. Pada masa sama, ia turut bimbang serangan Turki yang

berjiran dengannya.

Turki pula dikatakan amat ingin menguasai wilayah Kurdistan yang diduduki puak Kurdish. Maka, tidak mungkinkah nanti kumpulan jihad yang dihantar Pas terpaksa menentang saudara sesama Islam dalam tentera Turki?

Dan Turki pula, yang diagung-agungkan Pas, kini dikatakan sedang merangka perjanjian dengan Amerika Syarikat, dalam konteks mengatur strategi peperangan menentang Iraq.

Kepada kepimpinan Pas, kita katakan sudahlah. Tak perlulah hendak terciari-cari hero mereka di luar. Carilah di kalangan mereka sendiri atau

kalau payah sangat, terimalah saja kepimpinan penuh berwibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lagipun ternyata kini, Dr Mahathir dengan pengaruh besar yang ada padanya, sementara pula kini menduduki kerusi pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali memberikan daya-usaha tulen, ikhlas, amat gigih serta berkesan dalam menyuarakan penentangan bukan saja dalam Umno, malah

negara kita dan 115 negara NAM lain, terhadap ura-ura Amerika menyerang Iraq.

`MUD-TOW-QUA',

Kuantan, Pahang.